

27 JUL 1997

Calon

CALON BN UNTUK SEMERAK DIUMUM MALAM ESOK

PASIR PUTEH, 27 Julai (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) akan mengumumkan esok nama calonnya yang bakal bertanding pada pilihan raya kecil bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Semerak malam esok.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa yang juga Pengerusi BN Kelantan hari ini berkata beliau akan mengumumkan nama calon itu, yang dipilih secara bersepakat oleh pemimpin BN negeri dan telah direstui oleh Perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di bilik gerakan pilihan raya BN di Cherang Ruku, dekat Pasir Puteh pada 9 malam esok.

"Saya akan mengumumkan nama calon itu, yang juga merupakan keputusan muktamad setelah mendapat sijil pengesahan daripada Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri di sini.

Pilihan raya itu diadakan berikutan kematian Sulaiman Ahmad dari PAS pada 6 Julai lepas. Suruhanjaya Pilihanraya menetapkan 31 Julai ini sebagai hari penamaan calon dan 11 Ogos untuk pengundian.

PAS pula dijangka mengumumkan nama calonnya pada Rabu ini di Sekolah Agama Cherang Ruku oleh Presidennya Fadzil Noor.

Annuar juga berkata Dr Mahathir akan menutup Konvensyen Umno Kelantan pada 29 Ogos di Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan, dekat sini.

Katanya perasmian pembukaan konvensyen dua hari itu akan dilakukannya sendiri, yang dijangka dihadiri seramai 1,000 anggota Umno.

Menurutnya konvensyen itu yang bertemakan "Penelitian Kejayaan dan Kegagalan Kelantan Selepas 1990" bertujuan menilai pembangunan negeri itu dalam tempoh itu. -- BERNAMA

RAR MAI